

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

SAU405 - Isu-Isu Dalam Pengajian Masyarakat Tani

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA (3) soalan. Ketiga-tiga soalan mempunyai nilai yang sama.

1. "Pertentangan kelas yang paling penting dalam negara-negara miskin di dunia kini ... adalah di antara kelas-kelas desa dan kelas-kelas bandar. Sektor desa dicirikan dengan banyak kemiskinan dan sumber-sumber kos rendah bagi kemajuan yang mungkin; tetapi sektor bandar mempunyai kebanyakan suara, organisasi dan kuasa. Kerana itu, kelas-kelas bandar telah berjaya 'memenangi' kebanyakan pusingan pertentangan dengan desa; tetapi secara itu mereka telah menyebabkan proses pembangunan berlaku dengan lebih perlahan dan lebih tidak adil dari yang perlu" (Lipton, M. [1977], Why Poor People Stay Poor, hal. 13).

Bincangkan dan nilaikan pandangan Lipton. Sila sebutkan, secara konseptual sekurang-kurangnya, data-data yang perlu untuk menyokong atau menolak hujah Lipton.

2. Huraikan saranan Chayanov bahawa perladangan keluarga dikuasai oleh ekonomi kapitalis bukan secara langsung tetapi melalui proses integrasi menegak. Bagaimanakah ini berbeza dari proses pembezaan sosial? Sejauhmanakah proses pemodenan pertanian di negara-negara Dunia Ketiga boleh dianggap sebagai gambaran kepada analisis Chayanov?

...2/-

3. "Anggapan petani tentang keadilan dan legitimasi ... diberi oleh norma timbal-balik dan kewajiban elit menjamin -- atau sekurang-kurangnya tidak mengganggu -- tuntutan saradiri dan susunan-susunan petani ... Perkembangan kapitalisme, keperniagaan perhubungan agraria, dan pertumbuhan negara memusat ... memecahkan kulit adat-adat saradiri dan pertalian sosial tradisi untuk menggantikannya dengan kontrak, pasar dan undang-undang seragam" (Scott, J.C. [1976], The Moral Economy of the Peasant, hal. 188-89).

"Keperniagaan pertanian dan pertumbuhan autoriti berpusat yang kuat tidaklah seluruhnya merugikan petani, walaupun ia mungkin mengubah masyarakat petani secara dramatik. Ini bukan kerana kapitalisme dan/atau kolonialisme adalah lebih murah hati daripada yang diandaikan oleh ahli ekonomi moral, tetapi kerana institusi tradisi sebenarnya lebih kejam dan berfungsi kurang baik daripada yang dipercayai" (Popkin, S. [1979], The Rational Peasant, hal. 79).

Huraikan analisis ekonomi moral dan nilaikan samada kenyataan Popkin merupakan satu kritikan yang relevan terhadap pandangan ekonomi moral.

4. "Beliau (Dr. Mahathir) berkata hasil petani yang rendah ialah sebab kemiskinan mereka. Menurut beliau, hasil rendah itu ialah kerana mereka tidak boleh mengamalkan ekonomi ikut skel sebab keping-keping tanah mereka adalah kecil" (laporan akhbar Star, 14/4/88). Bincangkan. *Dok. Chenang*